

Lampiran Penerangan Produk - GoInsure Insurans Motor

Sila baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli GoInsure Insurans Motor. Sila pastikan juga untuk membaca terma and syarat am.

1. Apa produk ini?



GoInsure Insurans Motor menyediakan insurans terhadap liabiliti kepada pihak lain untuk kecederaan atau kematian, kerosakan harta pihak lain, dan kerosakan akibat kemalangan atau kerosakan akibat kebakaran pada kenderaan atau kecurian kenderaan anda. Ia juga menyediakan perlindungan tunda tanpa had, pemberaan kecil tepi jalan, perkhidmatan kereta ganti, pecah masuk rumah dan perkhidmatan cat seluruh kereta. Sila rujuk Kontrak Polisi untuk maklumat terperinci.

Polisi ini boleh menjadi Polisi Pengguna dan Polisi Bukan Pengguna. Polisi Insurans Pengguna bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh individu sepenuhnya untuk tujuannya sendiri yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu. Polisi Bukan Pengguna adalah polisi selain dari Polisi Pengguna

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

| Pelan Produk | Standard | Deluxe |
|---|--|---|
| Seksyen Mandatori | | |
| *Kehilangan atau Kerosakan Kereta Anda | Sehingga Jumlah yang Diinsuranskan | |
| *Liabiliti kepada Pihak Ketiga | Jumlah tanpa had bagi kematian atau kecederaan anggota badan kepada pihak ketiga; dan / atau Sehingga maksimum RM3 juta bagi kerosakan harta pihak ketiga. | |
| Perlindungan Paket (hanya terpakai jika Seksyen tersebut tersenaraikan dalam Jadual) | | |
| **Perkhidmatan Tunda dan Pemberaan Kecil | Perkhidmatan Tunda - Tanpa Had Perkhidmatan Pemberaan Kecil - bayaran tenaga kerja bebas sehingga RM400 per kejadian | |
| *** Perkhidmatan Kereta Ganti | Sehingga 10 hari per kejadian | |
| *** Bayaran Balik Penginapan Hotel | Sehingga RM200 sehari dan maksimum 5 hari per kejadian. | Sehingga RM200 sehari dan maksimum 10 hari per kejadian |
| Bantuan Tunai Pecah Masuk Rumah (kerana rompakan di rumah Anda) | RM1,000 per Kejadian dan maksimum dua (2) kali semasa Tempoh Insurans | |
| **Perkhidmatan Cat Seluruh Kenderaan | Tidak Disediakan | Sehingga RM3,000 per Kejadian |
| *Kos Pembersihan | Tidak Disediakan | Sehingga RM1,000 per Kejadian |

GoInsure dan GoPayz adalah tanda dagangan U Mobile Sdn Bhd. Polisi ini ditaja oleh Chubb Malaysia Insurance Berhad. U Mobile Services Sdn Bhd adalah agen berdaftar Chubb.

© 2020 Chubb. Tidak semua perlindungan tersedia dalam semua bidang kuasa. Chubb®, logo berkenaan dan Chubb.Insured.™ adalah tanda dagangan Chubb yang terpelihara.

| | | |
|---|------------------|--|
| Perlindungan Beg Tangan dan Dompet (kerana Kecurian Kenderaan) | Tidak Disediakan | Sehingga RM1,000 per Kejadian dan maksimum dua (2) kali semasa Tempoh Insurans |
| Bencana Khas | Tidak Disediakan | Sehingga Jumlah yang Diinsuranskan |

Note:

* Disebabkan Kemalangan sahaja

** Disebabkan Kemalangan dan/atau Kerosakan Kenderaan

*** Disebabkan Kemalangan dan/atau Kerosakan Kenderaan yang berlaku 100km dari rumah dan pemberaan mengambil masa lebih dari 48 jam

Manfaat pilihan yang tersedia dengan membayar premium tambahan:

- Kerosakan cermin depan
- Liabiliti Undang-undang kepada Penumpang
- Liabiliti Undang-undang bagi Penumpang
- Kerosakan timbul daripada Banjir dan Tanah Runtuh
- Mogok, Rusuhan dan Kekacauan Awam
- Pemandu Yang Dinamakan (bagi nama ketiga dan lebih)
- Membeli Balik Penambah baikan (Betterment Buy Back)

NOTA: Ia adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura untuk memasuki negara ini tanpa memperluaskan perlindungan liabiliti penumpang kepada insurans motor anda.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda boleh membeli perlindungan untuk kurang daripada satu tahun untuk bersamaan dengan tempoh tamat cukai jalan anda. Anda perlu memperbaharui Polisi Insurans anda setiap tahun.

Note: Senarai perlindungan/manfaat di atas adalah ringkasan untuk rujukan pantas. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai perlindungan/manfaat yang lengkap.

3. Apakah perbezaan antara GoInsure Insurans Motor dan Perlindungan Komprehensif Kereta Persendirian ?

- Perlindungan:

| GoInsure Insurans Motor | Perlindungan Komprehensif Kereta Persendirian (Asas) | |
|--|---|--|
| Pilihan 2 pakej iaitu Standard dan Deluxe (Rujuk No. 2 diatas untuk butiran perlindungan / manfaat) | Tiada Pilihan - Perlindungan Standard mengikut Tariff | |
| Perlindungan Asas | GoInsure Insurans Motor | Perlindungan Komprehensif Kereta Persendirian (Asas) |
| Kehilangan atau Kerosakan Kereta Anda | Sehingga jumlah yang diinsurangkan | |
| Liabiliti kepada Pihak Ketiga | Jumlah tanpa had bagi kematian atau kecederaan anggota badan kepada pihak ketiga; dan / atau Sehingga maksimum RM3 juta bagi kerosakan harta pihak ketiga. | |
| Manfaat Tambahan (hanya terpakai jika Seksyen tersebut tersenarai dalam Jadual) | | |
| | Standard | Deluxe |
| Perkhidmatan Tunda dan Pemberaan Kecil | Perkhidmatan Tunda - Tanpa Had | Sehingga RM200 |

GoInsure dan GoPayz adalah tanda dagangan U Mobile Sdn Bhd. Polisi ini ditaja oleh Chubb Malaysia Insurance Berhad. U Mobile Services Sdn Bhd adalah agen berdaftar Chubb.

© 2020 Chubb. Tidak semua perlindungan tersedia dalam semua bidang kuasa. Chubb®, logo berkewaan dan Chubb.Insured.™ adalah tanda dagangan Chubb yang terpelihara.

| | | | |
|---------------------------------------|------------------------------------|--|------------------------------------|
| Perkhidmatan Kereta Ganti | Disediakan dalam pakej | | Tidak disediakan |
| Bayaran Balik Penginapan Hotel | | | |
| Bantuan Tunai untuk Pecah Masuk Rumah | | | |
| Perkhidmatan Cat Seluruh Kenderaan | Tidak Disediakan | | |
| Kos Pembersihan | | | |
| Perlindungan Beg Tangan dan Dompet | Disediakan dalam pakej | | Disediakan dengan premium tambahan |
| Bencana Khas | Disediakan dengan premium tambahan | | |

- Premium perlu dibayar:

Pengiraan premium berasaskan risiko digunakan untuk kedua-dua GoInsure Insurans Motor dan Insurans Kereta Persendirian selaras dengan Rangka Kerja “Liberalisasi Fasa untuk Motor dan Kebakaran”.

4. Berapakah jumlah premium yang saya perlu bayar?

Premium yang perlu anda bayar berbeza bergantung kepada kelayakan diskau tanpa tuntutan (NCD) dan syarat pengundian syarikat insurans:

- Perlindungan Asas : RM _____ premium untuk jumlah insurans bagi _____*
- Kelayakan NCD : _____ %
- Perlindungan tambahan : RM _____ premium
- Perlindungan Pilihan : RM _____ premium

Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar ialah: RM _____

* Jumlah yang diinsuranskan adalah berdasarkan nilai pasaran semasa kenderaan berdasarkan rujukan kepada sistem pangkalan data penilaian Perisikan Perniagaan ISM Otomotif (“sistem ISM-ABI”).

Contoh perbandingan premium:

| Butiran Kenderaan | | | | | Perbandingan Permum (RM) | | |
|------------------------|--------------|-----------------|----------------------|---------|--|--|--------------------------------------|
| Buatan & Model Kereta | Tahun butaan | Kuasa Kuda (CC) | Jumlah Insurans (RM) | NCD (%) | Perlindungan Komprehensif Kereta Persendirian (Asas) | Pakej Standard GoInsure Insurans Motor | Pakej Deluxe GoInsure Insurans Motor |
| BMW X5 XDriven 40eM | 2017 | 1997 | 247,000 | 55 | 2,832.45 | 2,832.45 | 3,573.45 |
| Honda HR-V 1.8 | 2017 | 1799 | 83,000 | 55 | 1,134.35 | 1,134.35 | 1,383.35 |
| Mercedes Benz E250 | 2017 | 1991 | 301,000 | 30 | 5,699.25 | 5,699.25 | 6,602.25 |
| Nissan X-Trial 2.0 (A) | 2017 | 1997 | 91,000 | 25 | 1,960.04 | 1,960.04 | 2,233.04 |
| Perodua MYVI | 2016 | 1495 | 43,000 | 25 | 1,152.94 | 1,173.90 | 1,367.40 |
| Perodua Alza | 2015 | 1495 | 41,000 | 30 | 1,036.04 | 1,054.87 | 1,239.37 |
| Proton Exora | 2012 | 1597 | 30,000 | 55 | 435.00 | 435.00 | 570.00 |
| Toyota Hilux 2.5 | 2015 | 2494 | 62,000 | 45 | 1,200.08 | 1,200.08 | 1,386.08 |

GoInsure dan GoPayz adalah tanda dagangan U Mobile Sdn Bhd. Polisi ini ditaja oleh Chubb Malaysia Insurance Berhad. U Mobile Services Sdn Bhd adalah agen berdaftar Chubb.

© 2020 Chubb. Tidak semua perlindungan tersedia dalam semua bidang kuasa. Chubb®, logo berkenaan dan Chubb.Insured.™ adalah tanda dagangan Chubb yang terpelihara.

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

- Tanggungjawab Anda

Tanggungjawab Kontrak Insurance Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, penolakan tuntutan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Tanggungjawab Polisi Bukan Pengguna

Sekiranya polisi ini Polisi Bukan Pengguna, maka anda mempunyai kewajipan untuk memberitahu syarikat insurans mengenai perkara yang:

- (i) anda tahu relevan dengan keputusan syarikat insurans mengenai sama ada menerima risiko atau tidak dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
- (ii) orang yang munasabah dalam keadaan itu akan tahu bahawa ianya relevan.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- Anda mesti memastikan bahawa kenderaan anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai.
- Ekses, adalah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung: RM _____.
- Ekses Wajib, adalah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung jika kenderaan anda dipandu oleh orang yang tidak dinamakan dalam polisi anda: RM 400.00

Nota: Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Polisi untuk senarai terma and syarat pengecualian yang lengkap bagi polisi ini.

7. Apakah pengecualian utama bagi Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- Kematian atau kecederaan diri sendiri disebabkan oleh kemalangan motor;
- Liabiliti terhadap tuntutan oleh penumpang kenderaan anda
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada kejadian semula jadi seperti banjir, ribut atau tanah runtuh
- Jika kenderaan digunakan untuk sewa & ganjaran termasuk kereta sewa persendirian (Manafat untuk Kereta Sewa Persendirian boleh dibeli di bawah Insurans Kereta Persendirian kami).

Nota: Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap bagi polisi ini.

8. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat insurans. Selepas pembatalan, anda berhak mendapatkan bayaran balik premium jika tiada tuntutan ditanggung sebelum pembatalan.

Bayaran balik anda akan ialah perbezaan di antara jumlah premium dan kadar jangka pendek adat kami yang dikira pada masa yang Kami berisiko sehingga tarikh Kami menerima Sijil Insurans atau Pengisyiharan Berkanun.

Tidak akan ada bayaran balik premium untuk sebarang pembatalan Polisi jika Kami berisiko melebihi 8 bulan atau Anda telah membayar Premium Minimum sahaja.

GoInsure dan GoPayz adalah tanda dagangan U Mobile Sdn Bhd. Polisi ini ditaja oleh Chubb Malaysia Insurance Berhad. U Mobile Services Sdn Bhd adalah agen berdaftar Chubb.

© 2020 Chubb. Tidak semua perlindungan tersedia dalam semua bidang kuasa. Chubb®, logo berkenaan dan Chubb.Insured.™ adalah tanda dagangan Chubb yang terpelihara.

10. Jenis perlindungan insurans motor lain yang sedia ada :

Sila rujuk kepada cawangan kami di seluruh negara, ejen insurans anda atau lawati www.chubb.com/my untuk jenis lain perlindungan insurans motor yang tersedia.

11. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans motor, sila rujuk buku kecil insurans info 'Insurans Motor', yang terdapat di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan dari ejen insurans atau lawati www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Chubb Insurance Malaysia Berhad

Wisma Chubb

38 Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Tel : 03 2058 3198 (Mon-Fri, 8:30am-5:15pm, tidak termasuk cuti umum dan hujung minggu)

Faks : 03 2058 3333

E-mel : goinsure.MY@chubb.com

Laman Web GoInsure: www.chubb.com/my-goinsure

Laman Web Chubb Malaysia: www.chubb.com/my

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHWA KENDERAAN ANDA DIINSURAN BAGI JUMLAH SESUAI KERANA IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH ANDA YANG BOLEH TUNTUT DALAM KERUGIAN DARIPADA KEMALANGAN. ANDA ADALAH DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DI IKTIRAF. JIKA ANDA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGEJEMUKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBICARA DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Lampiran penerangan produk ini disediakan dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Harap diingatkan yang :

- Anda mempunyai tanggungjawab yang sewajarnya untuk memberi kepada kami atau pengantara kami semua maklumat yang berkaitan agar membolehkan kami memberi produk kewangan yang paling sesuai untuk anda dan dengan menahan apa-apa maklumat yang kami atau pengantara kami minta, atau memberi maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai yang boleh memenuhi keperluan anda;
- Anda harus membaca dan memahami terma-terma kontrak dan membincang dengan lebih lanjut dengan kami atau pengantara kami sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak faham, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda mengakui yang pengantara kami atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan polisi kontrak dan terma-terma utama kontrak, dan kontrak polisi yang diberi adalah sesuai dengan keperluan insurans anda.

Maklumat yang dinyatakan di dalam helaian produk ini adalah sah pada 24/4/2020.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran penerangan ini adalah ringkasan ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat yang terpakai dinyatakan dalam kontrak polisi.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenken di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 and dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

GoInsure dan GoPayz adalah tanda dagangan U Mobile Sdn Bhd. Polisi ini ditaja oleh Chubb Malaysia Insurance Berhad. U Mobile Services Sdn Bhd adalah agen berdaftar Chubb.

© 2020 Chubb. Tidak semua perlindungan tersedia dalam semua bidang kuasa. Chubb®, logo berkenaan dan Chubb.Insured.SM adalah tanda dagangan Chubb yang terpelihara.